

# Gapena teruskan niat saman

Kementerian Pelajaran didakwa gagal penuhi tuntutan hentikan PPSMI



PROF Emeritus Ismail, Shamsudin dan Borhan memberi hujah masing-masing pada Wacana Integriti Bahasa Melayu Martabatkan Bahasa Melayu di UPM, baru-baru ini.



PPSMI tidak wajar dilaksanakan semata-mata untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris kerana masih banyak cara yang lebih baik boleh digunakan untuk meningkatkannya"

**Nurul Shuhada Mohd Jani**  
Pelajar Fakulti Pendidikan

Bahasa Melayu wajib selamatkan budaya dan bahasanya daripada terpinggir kerana ia akan menjejaskan jati diri sekali gus memberi ruang kepada bangsa asing untuk menjajah minda kita"

**Ghazali Jamaluddin**  
Pelajar Fakulti Pendidikan

Oleh Rashidah Ili Abd Rahim  
rashidah@bharian.com.my

**G**ABUNGAN Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) akan meneruskan niat untuk mengheret Kementerian Pelajaran ke mahkamah dan merancang untuk mengemukakan laporan polis pada 15 Februari ini berikutan kerajaan gagal membatalkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) sebelum 2009.

Ketua I Gapena, Prof Emeritus Tan Sri Ismail Hussein, berkata tindakan itu terpaksa diambil kerana tempoh yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran agar membatalkan PPSMI sehingga 31 Disember lalu, tidak menunjukkan sebarang perubahan.

"PPSMI secara jelas mencabul Fasal 152, Perlembagaan Persekutuan yang memaktubkan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa

kebangsaan dan tindakan berkenaan menyebabkan pelbagai pihak mengambil kesempatan untuk memperlekehkan ketuanan Melayu," katanya pada Wacana Integriti Bahasa Melayu: Memartabatkan bahasa Melayu.

Wacana anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Gapena yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, Fakulti Pendidikan UPM, Serdang, baru-baru ini, dipengerusikan Pensyarah UPM, Shamsudin Othman, dihadiri kalangan akademik serta pelajar.

Selain itu, beliau menyifatkan pelaksanaan PPSMI bercanggah dengan Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Laporan Barnes, Laporan Fenn-Wu, Lapo-

ran Jawatankuasa Penasihat Pusat Tentang Pendidikan, Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960.

"Dalam akta dan semua laporan ini jelas menunjukkan bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama di sekolah dan kerana itu kami menentang PPSMI. Ia menyentuh kesucian Perlembagaan sekali gus menginggirkan dan menjatuhkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara," katanya.

Ahli Jawatankuasa Gapena, Borhan Mat Zain, berkata tindakan berkenaan tidak menggambarkan Gapena mengabaikan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, bahkan pihaknya mengakui kepentingan bahasa itu dalam

mengejar kemajuan. "Gapena berasa bahasa Inggeris perlu dikekalkan sebagai bahasa kedua negara ini bagi melengkapkan keupayaan berbahasa dalam masyarakat kita. Bagaimanapun, PPSMI bukan cara terbaik bagi membantu menjayakannya kerana hanya akan merugikan bangsa Melayu," jelasnya.

Beliau turut mencadangkan agar dana yang digunakan untuk melaksanakan PPSMI digunakan untuk melaksanakan sistem baru seperti mengadakan kelas tambahan bahasa Inggeris, kursus insentif untuk guru yang terbabit selain menambahkan syarat wajib lulus bahasa Inggeris untuk kelulusan penuh peperiksaan.

Borhan menyifatkan tindakan yang bakal diambil Gapena adalah tanda kemuncak kepada kekecewaan cendekiawan dan pejuang bahasa Melayu kerana desakan agar PPSMI tidak diteruskan sebelum ini tidak mendapat maklum balas sepatutnya daripada kerajaan. "Malah, bekas Perdana

Menteri, Tun Dr Mahathir pada Wacana Dilema Melayu, mengakui bahawa dasar PPSMI yang diperkenalkan beliau pada 2003 adalah kesilapan dalam pentadbirannya yang ketika itu mengangap dasar berkenaan mampu meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di negara ini," ujarnya.

EIZAIRI SHAMSUDINI | BERITA HARIAN